

13 SEP 1999

Kadir-Pelancong

PELANCONG ASING KE MALAYSIA DIJANGKA MENINGKAT 30 PERATUS

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Jumlah pelancong asing yang datang ke Malaysia dijangka meningkat 30 peratus pada separuh kedua tahun ini, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, hari ini.

Beliau berkata jangkakan itu berikutan ketibaan musim cuti pada akhir tahun dan berlangsungnya pelbagai aktiviti yang dirancang termasuk perlumbaan Formula 1 di Sepang pada 15-17 Okt ini.

"Terdapat peningkatan sebanyak 26 peratus bilangan kemasukan pelancong pada Januari hingga Jun tahun ini berbanding jangkamasa yang sama tahun lalu dan kami menjangkakan ia meningkat dengan lebih tinggi lagi pada separuh kedua tahun ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Perkhidmatan Limosin Airport Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Teksi Menghadapi Alaf Baru di sini.

Tahun ini, jumlah pelancong yang datang ke Malaysia sepanjang Januari hingga Jun adalah 3.1 juta berbanding 2.5 juta pada jangkamasa yang sama tahun lalu.

Abdul Kadir juga mencadangkan mereka yang terbabit secara langsung dengan para pelancong mengamalkan budaya mengalu-alukan pelancong dengan meletakkan tangan di dada sebagai tanda menghormati kedatangan mereka.

"Kalau di Jepun mereka biasa tunduk sebagai tanda hormat, kita juga perlu ada gerak isyarat sendiri sebagai menunjukkan budi bahasa kita," katanya.

Setakat ini, Airport Limo (M) Sdn Bhd (ALM) dan Hotel Sheraton Subang bersetuju untuk mengamalkan gerak isyarat itu.

Terdahulu, Abdul Kadir merasmikan seminar untuk pemandu limosin dan teksi bandar yang bertujuan meningkatkan prestasi perkhidmatan pemandu apabila berhadapan dengan pelancong asing.

Seminar anjuran ALM dan Hotel Sheraton Subang itu disertai oleh lebih 150 pemandu limo dan teksi bandaraya.

Abdul Kadir turut menyampaikan surat penghargaan dan wang tunai bernilai RM200 kepada 10 orang pemandu limo di atas kejujuran mereka memulangkan barangan penumpang termasuk wang tunai AS10,000 yang tertinggal di dalam kenderaan tersebut.

Pemandu ALM turut menandatangani poskad gergasi dengan catatan "Jurupandu Ekonomi Negara" untuk diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai tanda mereka menyokong usaha Perdana Menteri memulihkan ekonomi negara.

-- BERNAMA

ZUE LAT